

02/01/1997

Mokhtar, Abdullah kemuka laporan

KUALA LUMPUR, Rabu - Duta Malaysia ke Peru, Ahmad Mokhtar Selat yang ditawan gerila Pergerakan Revolusi Tupac Amaru (MRTA) di kediaman duta Jepun di Lima, akan mengemukakan laporan secara terperinci kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Laporan yang sama juga diberikan oleh Menteri Luar, Datuk Abdulah Ahmad Badawi yang ditugaskan mengetuai misi khas untuk berunding dengan kerajaan Peru supaya membebaskan Mokhtar.

Abdullah berkata, laporan itu penting kerana peristiwa penawanan kediaman duta Jepun di Lima yang turut membabitkan Mokhtar, memberi pengajaran dalam pelbagai aspek berkaitan kedutaan Malaysia di negara lain, termasuk keselamatan.

Katanya, laporan itu akan dikemukakan kepada Dr Mahathir secepat mungkin. Ia mengandungi pengalaman dan peristiwa, termasuk proses rundingan serta pengalaman Mokhtar ketika menjadi tawanan.

Difahamkan Mokhtar akan menemui Perdana Menteri esok untuk menceritakan sendiri pengalamannya menjadi tawanan gerila MRTA, selama 12 hari.

Abdullah berkata, peristiwa itu turut mendorong peningkatan kawalan keselamatan semua kedutaan Malaysia, walaupun memang sudah ada kawalan yang dilakukan dalam suasana normal.

"Peristiwa ini banyak memberi pengajaran dan satu daripadanya kita perlu melengkapkan lagi kawalan keselamatan di kedutaan kita di luar negeri, terutama di tempat yang mungkin ada perkara yang boleh menjejaskan keselamatan kita," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah, tengah hari ini.

Ketibaan rombongan itu disambut dalam suasana gembira, tetapi penuh terharu oleh keluarga Mokhtar dan pegawai Wisma Putra.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengenakan prosedur baru dalam perkhidmatan pegawai Wisma Putra di Amerika Latin berikutan peristiwa di Kedutaan Jepun, Abdullah berkata:

"Kita tidak ada tukar prosedur apa-apa. Kita akan terus mengeratkan hubungan dengan negara di Amerika Latin. Prosedur penghantaran pun sama juga (kekal seperti sekarang)."

Menjawab soalan mengenai sama ada duta Malaysia akan dibantu pengawal peribadi atau pegawai keselamatan, beliau berkata, langkah meningkat keselamatan tidak perlu sampai ke tahap itu.

"Walau apapun biasanya tindakan keselamatan diambil memandangkan kepada situasi dan keadaan (negara terbabit).

(END)